



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (30 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **16 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Seramai tujuh (7) kes telah dikesan di daerah Kuching, tujuh (7) kes di daerah Miri, satu (1) kes di daerah Limbang dan satu (1) kes di daerah Lundu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 872 kes.**

A. Perincian kes tersebut adalah seperti berikut:

i) Daerah Kuching (7 kes baharu)

Seramai tujuh (7) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Kuching.

a) Kes saringan kontak kepada Kluster Greenhill (5 kes baharu)

- i) Tiga (3) kes merupakan pekerja yang bekerja di salah sebuah premis yang pernah dikunjungi oleh kes positif COVID-19. Kes-kes ini berumur dalam lingkungan 21 hingga 40 Tahun.

- ii) Dua (2) kes adalah lelaki warganegara yang merupakan kontak sosial kepada kes di dalam kluster ini.

- iii) Kesemua lima (5) kes ini telah menjalani saringan COVID-19 antara 28 Oktober dan 29 Oktober 2020. Keputusan ujian pada 29 Oktober 2020 mendapati kelima-lima kes ini adalah positif COVID-19.

b) Kes saringan kontak kepada Kluster Baki (1 kes baharu)

Kes ini merupakan lelaki warganegara yang merupakan kontak rapat kepada Kluster Baki. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 28 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 29 Oktober mendapati kes adalah positif COVID-19.

c) Kes dikesan melalui lain-lain saringan (1 kes baharu)

Satu (1) kes merupakan wanita warganegara yang menjalankan perniagaan sendiri di Kuching. Kes menjalani saringan COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta di Kuching pada 28 Oktober 2020 kerana mengalami gejala demam dan batuk sejak 26 Oktober 2020. Keputusan ujian saringan pada 29 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

ii) Daerah Miri (7 Kes Baharu)

Seramai tujuh (7) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Miri.

a) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (2 Kes Baharu)

Dua (2) kes baharu ini merupakan kontak rapat kepada kes ke-834 yang dilaporkan dalam kluster ini. Kes ini mempunyai sejarah perjalanan ke Kuching pada 23 Oktober hingga 25 Oktober 2020. Sepanjang berada di Kuching, kedua kes ini telah berjumpa dengan beberapa orang kes yang telah dilaporkan dalam kluster ini.

Kedua kes ini telah menjalani saringan di fasiliti kesihatan kerajaan di Miri pada dan keputusan ujian pada 29 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan di luar daerah (Import C)

b) Kes Saringan Petugas Kesihatan (2 Kes Baharu)

Dua (2) kes baharu ini merupakan petugas kesihatan yang bekerja di fasiliti kesihatan kerajaan di Miri yang dikesan melalui saringan petugas kesihatan.

Kes-kes ini telah menjalani saringan di fasiliti kesihatan kerajaan di Miri pada dan keputusan ujian pada 29 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kedua kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

c) Kes Dikesan Melalui Saringan Bergejala (2 Kes Baharu)

Dua (2) kes baharu ini adalah kes yang dikesan melalui saringan pesakit bergejala (*SARI*). Kes ini merupakan warganegara yang berumur 47 dan 77 tahun.

Kedua kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan.

d) Kes Pulang Dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang surirumah yang mempunyai sejarah perjalanan ke Labuan. Kes tiba di Lapangan Terbang Miri pada 10 Oktober 2020 dan telah melengkapkan tempoh kuarantin wajib 14 hari yang berakhir pada 23 Oktober. Keputusan ujian saringan COVID-19 pertama dan kedua bagi kes ini adalah negatif untuk COVID-19.

Pada 27 Oktober 2020, kes mula mengalami tanda dan gejala. Kes telah mendapatkan rawatan dan dimasukkan ke wad. Keputusan saringan ketiga kes pada 29 Oktober mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari luar Sarawak (Import B).

iii) Daerah Limbang (1 Kes Baharu)

Kes merupakan petugas barisan hadapan yang mempunyai kontak dengan kes ke-755 yang dikesan pada 14 Oktober 2020. Kes telah menjalani arahan kuarantin wajib di pusat kuarantin di Limbang. Kes telah menjalani saringan pertama COVID-19 pada 15 Oktober 2020 dan keputusan ujian adalah negatif bagi COVID-19.

Pada 25 Oktober 2020, kes telah menjalani saringan kedua COVID-19 dan keputusan ujian pada 29 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes tidak mempunyai sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

iv) Daerah Lundu (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja sebagai pekerja pembersihan di sebuah pusat penginapan di Telok Melano, Lundu di mana kes Kluster Baki pernah bermalam pada 4 dan 5 Oktober 2020.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 28 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 30 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 30 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes telah sembuh dan didiscaj dari hospital. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 30 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

iii) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan dua (2) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai 30 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1764 individu telah disaring, dimana:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 920 individu negatif; dan
- 814 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.7%. Sehingga 30 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

Seramai 845 individu telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 828 individu adalah negatif dan 17 individu adalah positif COVID-19.

Seramai 814 individu telah menjalani saringan melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD Kampung Haji Baki pada 29 Oktober 2020. Kesemua individu masih menunggu keputusan makmal.

iv) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 212 individu telah disaring, iaitu:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 201 individu negatif; dan
- Empat (4) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 3.3%. Sehingga 30 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tujuh (7) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 36 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 112 individu telah disaring, dimana:

- 36 kes dikesan positif COVID-19;
- 76 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 32.14%. Sehingga 30 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat lima (5)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes-kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **748** orang atau **85.78%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **104** orang iaitu:

- 90 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 11 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Sibul; dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang** atau **2.18%**.

Hari ini **24 PUI** baru telah dilaporkan dan **lima (5)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Lundu, Miri dan Limbang bertukar status dari hijau kepada kuning kerana telah mencatatkan kes tempatan dalam tempoh 14 hari. Daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 84 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

A. Peluasan Penutupan Sekolah Di Zon Merah

Selaras dengan pengumuman oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berhubung Penutupan Institusi Pendidikan di Zon Merah di Kuching, maka Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan dengan persetujuan bersama-sama wakil Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak) telah membuat keputusan seperti berikut:

Penutupan Institusi Pendidikan di Zon Merah di Kuching yang bermula dari 2 November 2020 hingga 13 November 2020 diperluaskan kepada tiga (3) buah sekolah di bawah pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Samarahan seperti berikut:

- a) YEA 1302 Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen, Samarahan
- b) YEB 8101 Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Tapang, Samarahan
- c) YBA 1349 Sekolah Kebangsaan Wira Jaya, Samarahan

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **lima (5) kompaun** di Daerah Kota Samarahan (3), Miri (1) dan Sarikei (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **106 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (36), SMC (20), MPP (17), BDA (17), MBKS (5), MD Serian (5), MDMJ (5) dan MD Sarikei (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,356 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (194), Restoran (289), Kilang (11), Bank (103), Pejabat Kerajaan (38), Penjaja (34), Pasar Tani/Awam (50), Tempat Ibadah (56), Tempat Riadah (34), Tapak Pembinaan (18) dan lain-lain (529).

Seramai **514 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (240), ATM (31), RELA (124), APM (82), PBT (32) dan KKM (5).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,560** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
30 OKTOBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	856	Kes sedang dirawat di hospital	105	12.04%
Kes Baharu	16	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	143,071	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	872	Jumlah kes kematian	19	2.18%
IR per 100,000 penduduk	28.27	Kes telah sembuh dan discaj	748	85.78%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	7	9,210	24	10,087
Menunggu keputusan	2	5		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	90	2	1	12	0	105
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	5	0	0	0	5
	Kumulatif	618	39	46	43	2
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	14	6,701	7	553	5	453	0	12	88	96	84
Jumlah		14	6,701	7	553	5	453	0	12	88	96	84

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	1	258	1	4	0	3	0	0	1	1	1
2	Miri	7	855	7	42	0	30	0	1	11	11	4
3	Limbang	1	33	1	11	0	9	0	1	1	1	1
Jumlah		9	1146	9	57	0	42	0	2	13	13	6

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	573	0	113	0	109	0	4	0	0	0
2	Bintulu	0	313	0	47	0	46	0	0	1	1	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	1	119	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	2,240	0	262	0	253	0	5	4	4	0

Jumlah Besar	24	10,087	16	872	5	748	0	19	105	113	90
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **239** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **24 buah hotel** adalah seramai **2,330 orang**. Manakala seramai **28,686 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 30.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,455)	Hock Lee	147
2		Kuching Park	143
3		Hilton	332
4		Harbour View	264
5		Riverside (Astana Wing)	243
6		Tune Hotel	90
7		Dormani Hotel	57
8		Grand Continental	179
9	Miri (510)	Mega Hotel	89
10		Imperial Palace	88
11		Eastwood Valley	61
12		Meritz	99
13		Miri	34
14		Dynasty	102
15		Citi Hotel	37
16	Bintulu (114)	Wasan Inn	25
17		Kidurong Inn	31
18		Motel Kapok	27
19		Faber Inn	31
20	Limbang (127)	Purnama	53
21		Seri Malaysia (Lawas)	56
22		Shangshan (Lawas)	0
23		Mandarin (Lawas)	18
24	Sibu (124)	Premier	124
Jumlah PUS			2,330

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Miri (3), Kuching (2), Sibü (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,870 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 30.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	609
2	Miri	3	351
3	Sibü	1	186
4	Samarahan	TIADA	124
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	TIADA	115
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
Jumlah Keseluruhan			1,870

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **44 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 30.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	8
2	MP Padawan	2
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	7
5	MP Sibu	9
6	MCC	11
7	MD Marudi	3
8	MD Lawas	1
Jumlah		44